



SIARAN AKHBAR

FORUM PERDANA MAJLIS ILMU 2025 SEMPENA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-79 TAHUN

Bandar Seri Begawan, Sabtu, 27 September 2025

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, pagi ini berkenan berangkat ke Majlis Forum Perdana Majlis Ilmu 2025 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-79 Tahun, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Penasihat Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2025 iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Pengerusi-Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2025 iaitu Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar dan Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Zetty Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.



Acara Forum Perdana Majlis Ilmu 2025 dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan yang disampaikan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Forum Perdana Majlis Ilmu 2025.

Forum Perdana ini mengupas sedikit demi sedikit mengenai tajuk Tema Majlis Ilmu tahun 2025 iaitu '*Negara Ditanai dengan Sedekah*'. Forum juga menyentuh mengenai amalan sedekah atau kebajikan di Negara Brunei Darussalam yang dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dari segi bantuan rakyat, kemudahan pendidikan, kesihatan dan kemasyarakatan. Selain itu, perisian forum juga menjelaskan bagaimana sedekah dapat mengukuhkan perpaduan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Forum berkenaan telah dibentangkan oleh tiga ahli panel yang terdiri dari Penolong Mufti (Buhuth), Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; dan Penolong Rektor (Penyelidikan dan Antarabangsa), Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Awang Haji Hambali bin haji Awang Jaili.

Hadir selaku moderator forum ialah Penolong Pensyarah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji Muhammad Khairul Azhar bin Idris.

Duli Yang Teramat Mulia juga telah berangkat untuk menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2025.

Forum Perdana sempena Majlis Ilmu 2025 ini diungkayahkan bersama oleh Kementerian Pembangunan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama di bawah Jawatankuasa Kerja Forum Perdana Majlis Ilmu 2025 .



Bagi maklumat mengenai acara-acara dan aktiviti-aktiviti yang akan diadakan sempena Majlis Ilmu 2025, orang ramai boleh mengikuti laman sesawang 'www.majlisilmu.gov.bn'

Disediakan oleh
Unit Perhubungan Awam
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam



PRESS RELEASE

PREMIER FORUM OF THE KNOWLEDGE CONVENTION 2025 IN CONJUNCTION WITH THE 79TH BIRTHDAY CELEBRATION OF THE HIS MAJESTY THE SULTAN AND YANG DI-PERTUAN OF BRUNEI DARUSSALAM

Bandar Seri Begawan, Saturday, 27th September 2025

His Royal Highness Prince Haji Al-Muhtadee Billah ibni His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, the Crown Prince and Senior Minister at the Prime Minister's Office, this morning attended the Premier Forum of the Knowledge Convention 2025 in conjunction with the 79th Birthday Celebration of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam at the International Convention Centre, Berakas.

Also present was His Royal Highness Prince 'Abdul Malik ibni His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

The arrival of His Royal Highness was greeted by the Co-advisor of the Steering Committee for the Knowledge Convention 2025, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Co-chairpersons of the Steering Committee for the knowledge Convention 2025, namely Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar and Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Zetty Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

The Premier Forum began with the recitation of Surah Al-Fatihah, led by Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar, followed by welcoming remarks delivered by Yang



Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Minister of Development, as Co-Chairman of the Premier Forum Working Committee for the Knowledge Convention 2025.

Carrying the theme **“Negara Ditanai dengan Sedekah,”** the forum explored charitable practices in Brunei Darussalam, highlighting government initiatives in public assistance, education, healthcare, and social welfare. Discussions also underscored the role of charity in fostering national unity and social harmony.

Panelists included Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof, Assistant Mufti (Research), State Mufti’s Office; Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, Deputy Permanent Secretary (Policy and Religious Affairs), Ministry of Religious Affairs; and Dr. Awang Haji Hambali bin Haji Awang Jaili, Assistant Rector (Research and International), Sultan Sharif Ali Islamic University. The session was moderated by Awang Haji Muhammad Khairul Azhar bin Idris, Assistant Lecturer, Seri Begawan Religious Teachers University College (KUPU SB).

His Royal Highness also consented to witness the Majlis Ilmu Exhibition 2025, which featured a variety of scholarly and interactive showcases.

The Premier Forum of the Knowledge Convention 2025 was jointly organized by the Ministry of Development and the Ministry of Religious Affairs.

For details on events and activities under The Knowledge Convention 2025, visit www.majlisilmu.gov.bn.

Prepared by
The Public Relations Unit
Ministry of Development
Negara Brunei Darussalam